

Pemakaian Peruntukan Akta Persaingan 2010 Terhadap Aktiviti Komersil Di Malaysia: Satu Tinjauan

Prof Madya Dr Nazura Abdul Manap

Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia
43650 Bangi, Selangor
nazura@ukm.edu.my

Haliza A.Shukor

Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia
43650 Bangi, Selangor
hliza@usim.edu.my

ABSTRAK

Akta Persaingan 2010 telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2010 bagi tujuan menggalakkan pembangunan ekonomi melalui proses persaingan. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Suruhanjaya Persaingan telah ditubuhkan bagi memastikan Undang-Undang Persaingan dapat dilaksanakan dengan sempurna di Malaysia. Seksyen 3 Akta Persaingan 2010 memperuntukkan bahawa Akta Persaingan 2010 terpakai terhadap aktiviti komersil di dalam Malaysia dan di luar Malaysia sekiranya aktiviti komersil di luar Malaysia memberi kesan terhadap persaingan dalam pasaran di Malaysia. Justeru, objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti peruntukan dalam Akta Persaingan 2010 yang terpakai untuk sektor perniagaan di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa peruntukan di dalam Akta Persaingan 2010 adalah bersifat umum, namun terpakai untuk pelbagai jenis sektor perniagaan yang menjalankan aktiviti komersil.

Kata Kunci: Undang-Undang Persaingan, Akta Persaingan 2010, sektor perniagaan, aktiviti komersil

PENDAHULUAN

Undang-undang Persaingan ialah suatu undang-undang yang mengawal selia amalan perniagaan dan transaksi yang mewujudkan penyalahgunaan kuasa pasaran dan mengganggu persaingan bebas di pasaran (Andreas F. Lowenfeld, 2008, hlm. 418). Berdasarkan pada sejarah susur galur undang-undang persaingan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, tidak dapat dinafikan bahawa undang-undang persaingan diwujudkan bagi melindungi pasaran perniagaan daripada disalahgunakan oleh perusahaan yang memiliki kuasa besar dalam pasaran di samping melindungi hak pengguna (Cosmo Graham, 2013, hlmn. 5-14).

UNDANG – UNDANG PERSAINGAN DI MALAYSIA

Malaysia telah memperkenalkan dasar undang-undang persaingan seawal tahun 1990-an kepada dua sektor iaitu sektor tenaga dan sektor komunikasi. Pada masa itu, tiada undang-undang persaingan nasional yang meliputi semua sektor perdagangan kecuali kedua-dua sektor yang disebut di atas. Ini dapat dilihat melalui kenyataan YB Menteri semasa pembentangan Rang Undang-Undang Persaingan 2010 semasa bacaan kali kedua dan ketiga di Dewan Rakyat:

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia kini mempunyai perundangan undang-undang berkenaan amalan anti persaingan dalam bidang-bidang khusus seperti tenaga dan komunikasi, tetapi tidak ada sesuatu undang-undang persaingan yang menyeluruh bagi semua sektor (Dewan Rakyat, 20.4.2010 hlmn. 128)

Menurut YB Menteri lagi, penggubalan rang undang-undang persaingan dibuat bagi tujuan kepentingan negara dan ia tidak sama sekali digubal berdasarkan gesaan dari mana-mana pihak luar terutama sekali dari negara maju. Tambahan pula, ASEAN menggalakkan agar negara-negara anggota mewujudkan dasar persaingan di negara masing-masing menjelang tahun 2015. Memandangkan telah terdapat lebih daripada 105 buah negara yang telah menguatkuasakan undang-persaingan, maka Rang-Undang-Undang Persaingan Malaysia telah digubal dengan mengambil kira amalan-amalan terbaik di peringkat antarabangsa bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan serta mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak yang terlibat contohnya, syarikat kerajaan dan swasta serta pengguna. Selain itu, faktor Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang kecil juga di ambil kira semasa penggubalan Rang Undang-Undang Persaingan 2010 (Dewan Rakyat, 20.4.2010 hlmn. 128-129).

Selanjutnya, Akta Persaingan 2010 telah di perkenalkan pada Jun 2010 dan telah berkuatkuasa pada tahun 2012. Ia mengandungi 67 peruntukkan yang dibahagikan kepada 6 bahagian. Menurut Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, ia memperuntukkan bahawa undang-undang persaingan merujuk pada Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 dan Akta Persaingan 2010 serta mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang persaingan. Akta Persaingan 2010 menggariskan tiga objektif utama iaitu, pertama menggalakkan pembangunan ekonomi, kedua, menggalak dan melindungi proses persaingan, ketiga melindungi pengguna.

Bagi mencapai objektif dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi, undang-undang persaingan dilihat dapat menarik pelaburan asing serta memberi keyakinan kepada pelabur bahawa amalan-amalan anti persaingan akan di kawal melalui undang-undang persaingan (Dewan Rakyat, 20.4.2010 hlmn. 128).

Selain itu, undang-undang persaingan nasional diwujudkan bagi memastikan persaingan yang sihat wujud dalam pasaran supaya ia dapat mendorong perusahaan untuk lebih inovatif dan efisien bagi tujuan memenangi

pengguna (Dewan Rakyat, 20.4.2010 hlmn. 127-128).

Melalui undang-undang persaingan, pengguna akan memperoleh perlindungan kerana hak pengguna untuk memilih pelbagai barang dan perkhidmatan pada harga yang kompetitif akan terpelihara. Pengguna akan dapat menikmati kepelbagaian pilihan, pada harga yang lebih rendah serta barangan dan berkhidmatan yang lebih berkualiti (Dewan Rakyat, 20.4.2010 hlmn. 127-128).

SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ialah badan korporat yang ditubuhkan bagi melaksanakan peruntukan yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010. MyCC ditubuhkan dengan matlamat untuk melindungi dan menggalak proses persaingan yang sihat agar dapat membantu meningkatkan ekonomi negara dan melindungi hak pengguna.

Struktur MyCC terdiri daripada seorang pengerusi, empat anggota yang mewakili kerajaan dan tiga hingga lima orang anggota lain yang berpengetahuan dalam bidang perniagaan. Selain itu, Menteri akan melantik Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang juga merupakan kakitangan Suruhanjaya dan bertanggungjawab dalam menyelia pentadbiran dan pengurusan Suruhanjaya.

MyCC mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang persaingan mengikut peruntukan dalam Akta Persaingan 2010 (Seksyen 16(d) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010). Di antara hak-hak penguatkuasaan MyCC ialah kuasa untuk mengenakan penalti kepada pesalah serta pengurangan geran penalti di bawah rejim kelonggaran. Penglibatan MyCC dalam penganjuran seminar mengenai undang-undang persaingan pada September 2013 menunjukkan bahawa MyCC juga berperanan sebagai sebuah badan yang mendidik dan meningkatkan kesedaran undang-undang persaingan di kalangan orang awam terutama sekali ahli perniagaan. Di samping penganjuran seminar, MyCC juga diberi mandat untuk terlibat dalam mengemukakan syor bagi pembaharuan undang-undang persaingan sekiranya perlu, sebagai contoh mengeluarkan garis panduan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam Akta Persaingan 2010 di samping menjalankan kajian am berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang persaingan (Seksyen 16 Akta Suruhanjaya Persaingan 2010).

TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN

Tribunal Rayuan Persaingan merupakan tribunal yang ditubuhkan di bawah Seksyen 44 Akta Persaingan 2010 agar individu yang kepentingannya terjejas di bawah Seksyen 35 (langkah interim), Seksyen 39 (dapatan tiada pelanggaran) dan Seksyen 40 (dapatan langgaran) boleh membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya Persaingan. Tribunal Rayuan mempunyai bidang kuasa eksklusif dan keanggotaannya terdiri daripada seorang Presiden dan 7

hingga 20 anggota lain yang dilantik oleh Perdana Menteri atas syor Menteri. Setiap prosiding Tribunal Rayuan Persaingan akan didengar oleh tiga orang anggota Tribunal Rayuan Persaingan atau apa-apa bilangan ganjil yang lebih besar sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Presiden. Tribunal Rayuan Persaingan mempunyai kuasa untuk mengesah atau mengetepikan keputusan yang menjadi subjek rayuan dan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan adalah muktamad. Selain itu, keputusan yang diputuskan oleh Tribunal Rayuan Persaingan juga boleh dikuatkuasakan seperti suatu penghakiman atau perintah setelah mendapat kebenaran dari Mahkamah Tinggi.

AKTA PERSAINGAN 2010: PEMAKAIANNYA TERHADAP SEKTOR KOMERSIL

Skop Pemakaian Akta Persaingan 2010

i. Sektor Komersil

Menurut Seksyen 3 Akta Persaingan 2010, Akta Persaingan 2010 adalah terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial. Seksyen 3(4) Akta Persaingan 2010 memperuntukkan bahawa aktiviti komersial bermaksud apa-apa aktiviti yang bersifat komersial. Melalui peruntukan tersebut, aktiviti komersil merujuk pada aktiviti komersil yang dijalankan oleh perusahaan tanpa mengira status milikan atau entiti. Sebagai contoh, Syarikat Pautan Kerajaan (GLC), perusahaan kecil dan sederhana serta persatuan juga tidak terkecuali dari peruntukan Akta Persaingan 2010.

ii. Pemakaian Bersifat Luar Wilayah

Menurut Seksyen 3(1) dan 3(2) Akta Persaingan 2010, ia memperuntukkan bahawa Akta Persaingan 2010 adalah terpakai bagi apa-apa aktiviti komersil samada di dalam atau di luar Malaysia, jika aktiviti komersil luaran tersebut memberi kesan kepada persaingan di dalam Malaysia. Sebagai contoh, sekiranya ada pakatan yang dibuat di luar Malaysia berhubung dengan pasaran kenderaan jenama ABC di Malaysia dan pakatan tersebut mendatangkan kesan terhadap pasaran kenderaan jenama ABC di Malaysia, maka, tindakan boleh di ambil terhadap pakatan tersebut di bawah seksyen 3(2) Akta Persaingan 2010.

iii. Kekecualian Sektoral

Akta Persaingan 2010 memperuntukkan tentang kekecualian sektoral bagi tiga sektor berikut iaitu sektor telekomunikasi dan multimedia, sektor tenaga dan sektor petroleum di bawah Jadual Pertama Akta Persaingan 2010.

Seksyen 133 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 menyediakan peruntukan untuk menghalang anti-persaingan yang “akan mengurangkan persaingan dalam sektor komunikasi dan multimedia dengan lebih berkesan” manakala dalam sektor tenaga, Suruhanjaya Tenaga diperlukan untuk memantau persaingan dan monopoli sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14(h) Akta Suruhanjaya Tenaga 2001. Bagi sektor petroleum, berkuatkuasa pada Januari 2014, Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] dan Peraturan-Peraturan Petroleum 1974 [P.U. (A) 432/1974] telah diletakkan di bawah senarai Jadual Pertama Akta Persaingan 2010 yang membolehkan sektor petroleum dikecualikan daripada peruntukan dalam Akta Persaingan 2010.

iv. Kekecualian Yang Melibatkan Kuasa Kerajaan Secara Langsung Atau Tidak Langsung

Seksyen 3(4) Akta Persaingan 2010 menyenaraikan beberapa aktiviti yang bersifat komersil namun tidak tertakluk pada mana-mana peruntukan Akta Persaingan 2010. Aktiviti komersil tersebut terdiri daripada aktiviti komersil yang dibuat bagi tujuan menjalankan kuasa kerajaan, aktiviti yang dijalankan yang berasaskan pada prinsip perpaduan dan juga pembelian barangan atau perkhidmatan yang bukan bagi maksud untuk menawarkan barangan atau perkhidmatan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti ekonomi.

v. Aktiviti Yang Tidak Tertakluk Pada Bahagian II Akta Persaingan 2010

Seksyen 13 Akta Persaingan memperuntukkan bahawa larangan yang terkandung di dalam Bahagian II Akta Persaingan 2010 iaitu larangan tentang perjanjian anti-persaingan serta penyalahgunaan kedudukan dominan adalah tidak terpakai bagi aktiviti yang terkandung di dalam Jadual Kedua Akta Persaingan 2010. Jadual Kedua Akta Persaingan 2010 menyenaraikan tiga jenis aktiviti yang tidak tertakluk pada Bahagian II Akta Persaingan 2010 iaitu; (a) suatu perjanjian atau perlakuan setakat yang ia terlibat dalam suatu perintah untuk mematuhi suatu kehendak perundangan, (b) aktiviti perundingan kolektif atau perjanjian kolektif berkenaan dengan terma dan syarat penggajian dan yang dirunding atau diikat antara pihak yang termasuk kedua-dua majikan dan pekerja atau organisasi yang ditubuhkan untuk mewakili kepentingan majikan atau pekerja, sebagai contoh perjanjian di antara persatuan pekerja dengan majikan, (c) suatu perusahaan yang diamanahkan dengan pengendalian perkhidmatan yang berkepentingan ekonomi am atau yang mempunyai ciri monopoli pengeluaran hasil setakat yang larangan di bawah Bab 1 dan Bab 2 Bahagian II akan menghalang pelaksanaan, di sisi undang-undang atau hakikat, tugas tertentu yang diberikan kepada perusahaan itu, sebagai contoh, perkhidmatan Pos Malaysia.

vi. Aktiviti Percantuman Dan Pengambilalihan

Memandangkan Akta Persaingan 2010 masih baru, maka peruntukan tentang aktiviti percantuman dan pengambilalihan tidak dimasukkan dalam Akta Persaingan 2010 bagi tujuan menggalakkan pasaran modal di Malaysia Menurut YB Menteri semasa pembentangan rang Undang-Undang Persaingan 2010 di dewan rakyat, keputusan untuk tidak memasukkan peruntukkan berkaitan percantuman dan pengambilalihan adalah setelah mengambil kira pandangan dari pelbagai agensi contohnya Bank Negara Malaysia serta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Selain itu, ia selaras dengan dasar kerajaan Malaysia yang masih menggalakkan percantuman dan pengambilalihan bagi tujuan memperkukuh ekonomi Malaysia serta memaju persaingan korporat global (Dewan Rakyat, 20.4.2010, hlmn. 129).

Larangan Dalam Akta Persaingan 2010: Perjanjian Anti Persaingan

i. Ciri – ciri perjanjian anti-persaingan

Seksyen 4(1) Akta Persaingan 2010 memperuntukkan tentang larangan terhadap perjanjian anti-persaingan seperti berikut:

Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Melalui Seksyen 4(1) Akta Persaingan 2010, terdapat beberapa ciri-ciri perjanjian anti persaingan iaitu:

(a) Perjanjian Mendatar Atau Menegak

Seksyen 4(1) Akta Persaingan 2010 memeruntukkan bahawa “ suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang...” Perjanjian dalam konteks Akta Persaingan 2010 mempunyai maksud yang luas kerana ia merangkumi “apa-apa bentuk kontrak, perkiraan atau persefahaman, keputusan oleh persatuan dan amalan bersepadu” tanpa mengira samada ia boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang atau tidak. Perjanjian mendatar pula bermaksud perjanjian “perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pendedaran.” Perjanjian menegak ialah “perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pendedaran.” Bagi kebanyakan negara seperti Singapura dan juga United Kingdom, perjanjian menegak adalah dikecualikan daripada undang-undang persaingan namun ini tidak berlaku di Malaysia. Melalui peruntukkan Akta Persaingan 2010, ia tidak memperincikan jenis-jenis perjanjian menegak yang dianggap sebagai anti-

persaingan kerana perjanjian menegak hanya akan mewujudkan kesan ketara anti-persaingan sekiranya sesuatu perusahaan itu memperolehi kuasa besar dalam pasaran (Massimo Motta, 2007, hlmn. 32). Namun begitu, sesetengah perjanjian menegak seperti perjanjian yang melibatkan harga jualan semula atau perjanjian eksklusif akan dinilai oleh MyCC bagi memastikan sama ada ia mewujudkan kesan ketara anti-persaingan atau sebaliknya.

(b) Mempunyai ‘Matlamat’ Atau ‘Kesan’ Menghalang Persaingan

Seksyen 4(1) Akta Persaingan 2010 menjadikan syarat samada ‘matlamat’ atau ‘kesan’ perjanjian tersebut akan menyebabkan anti-persaingan. Sekiranya ‘matlamat’ perjanjian tersebut dikenalpasti bersifat anti persaingan, maka ‘kesan’ perjanjian tersebut tidak akan dinilai lagi oleh MyCC bagi tujuan mengenalpasti samada perjanjian tersebut bersifat anti-persaingan atau tidak (Artikel 2.14 Garispanduan Bab I Larangan Perjanjian Anti-Persaingan).

(c) ‘Matlamat’ Atau ‘Kesan’ Tersebut Mestilah Signifikan Dalam Apa-Apa Pasaran

Akta Persaingan 2010 tidak mendefinisikan terma ‘signifikan’ seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(1). Walaubagaimanapun, MyCC di dalam Artikel 3.4 Garispanduan Bab 1 Larangan Perjanjian Anti Persaingan menyatakan bahawa perjanjian anti-persaingan adalah tidak signifikan sekiranya:

- Pihak pada perjanjian tersebut merupakan pesaing dalam pasaran yang sama dan gabungan bahagian pasaran dalam pasaran yang berkaitan tidak melebihi 20%
- Pihak pada perjanjian tersebut bukan pesaing dan kesemua pihak secara individu mempunyai kurang daripada 25% dalam mana-mana pasaran berkaitan.

Di samping itu, bagi tujuan menilai samada ‘matlamat’ atau ‘kesan’ perjanjian tersebut signifikan terhadap pasaran atau tidak, terma ‘pasaran’ yang diperuntukkan oleh Akta Persaingan 2010 mempunyai definisi khusus. Menurut Seksyen 2 Akta Persaingan 2010, pasaran bermaksud seperti berikut:

Pasaran di Malaysia atau di mana-mana bahagian Malaysia, dan apabila digunakan berhubung dengan apa-apa barangan atau perkhidmatan, termasuklah suatu pasaran bagi barangan atau perkhidmatan itu dan barangan atau perkhidmatan yang boleh digantikan, atau selainnya bersaing dengan barangan atau perkhidmatan yang mula-mula disebut itu.

Penilaian lanjut berhubung dengan pasaran telah disediakan oleh MyCC di dalam buku Garispanduan Definisi Pasaran.

ii. Klausula Andaian Bagi Perjanjian Mendatar

Bagi perjanjian mendatar, Seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010 memperuntukkan bahawa sekiranya perjanjian mendatar mempunyai matlamat seperti a) penetapan harga, b) berkongsi pasaran atau punca bekalan, (c) menghadkan atau mengawal pengeluaran, capaian pasaran, pembangunan teknikal atau teknologi atau pelaburan atau (d) tipuan bida, maka perjanjian tersebut disifatkan mempunyai matlamat menghalang persaingan secara signifikan dalam pasaran barangan atau perkhidmatan.

Kesan Keterlibatan Dalam Perjanjian Anti-Persaingan

i. Pengecualian

Pengecualian di bawah Seksyen 5 Akta Persaingan 2010 akan diberikan sekiranya suatu pihak yang didapati bersalah dibawah peruntukan yang terkandung dalam Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 berjaya memenuhi empat syarat kumulatif berikut:

- (a) perjanjian tersebut mempunyai faedah signifikan yang dikenalpasti dari segi teknologi, kecekapan atau sosial;
- (b) manfaat tidak boleh semunasabahnya disediakan tanpa apa-apa sekatan
- (c) kesan buruk perjanjian anti-persaingan itu adalah berkadar dengan faedah dan
- (d) amalan sekatan tersebut tidak membawa kepada penghapusan lengkap persaingan dari segi barang-barang atau perkhidmatan.

Namun begitu terdapat satu lagi keperluan tambahan yang perlu dipenuhi sebelum mendapatkan pengecualian di bawah Seksyen 5 Akta Persaingan 2010, iaitu pihak berkenaan perlu membuktikan bahawa bahawa faedah yang disebut dalam Seksyen 5 Akta Persaingan 2010 adalah untuk pengguna (Artikel 5.2 Garispanduan Bab I Larangan Perjanjian Anti-Persaingan).Sehubungan dengan itu, jika suatu pihak berjaya membuktikan unsur di bawah Seksyen 5 Akta Persaingan 2010 serta membuktikan bahawa faedah akan diserahkan kepada pelanggan, pelepasan liabiliti yang diberikan oleh Suruhanjaya sama ada melalui pengecualian individu, pengecualian blok atau memohon di bawah seksyen 5 Akta Persaingan 2010.Pengecualian blok ialah satu keadaan di mana industri-industiri tertentu diberi pengecualian daripada peruntukan Akta Persaingan 2010 walaupun industri tersebut merupakan pihak kepada perjanjian yang bersifat anti-persaingan. Dalam keadaan di mana sesuatu industri gagal memperolehi pengecualian blok, alternatif lain ialah memohon pengecualian individu daripada MyCC. Berbeza dengan negara-negara lain, Malaysia hanya memberi pengecualian blok dalam industri perkapalan yang melibatkan Perjanjian

Perkongsi Kapal dan Perjanjian Sukarela Perbincangan berkenaan perkapalan liner.

ii. **Rejim Kelonggaran**

Bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang persaingan yang lebih efektif di Malaysia, Seksyen 41 Akta Persaingan 2010 menyediakan rejim kelonggaran kepada mereka yang membantu pihak berkuasa mengenal pasti organisasi yang terlibat dalam kesalahan anti persaingan dan juga apabila perusahaan mengakui penglibatannya dalam aktiviti anti persaingan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4 (2) Akta Persaingan 2010. Sekiranya sesuatu perusahaan diberi rejim kelonggaran, maka ia membolehkan perusahaan itu mendapatkan pengurangan maksimum 100 peratus jika terdapat penalti dikenakan ke atas mereka.

iii. **Bertanggungjawab Bagi Pelanggaran**

Kesan langgaran terhadap peruntukan larangan perjanjian anti-persaingan ialah ia tidak menjejaskan keesahan sesuatu perjanjian meskipun perjanjian tersebut mengandungi peruntukan yang bersifat anti-persaingan. Ia hanya akan menyebabkan perusahaan yang terlibat dengan perjanjian anti persaingan bertanggungjawab bagi pelanggaran larangan tersebut. Seksyen 40 Akta Persaingan 2010 memperuntukkan bahawa dalam kes di mana terdapat pelanggaran, Suruhanjaya Persaingan,

- (a) hendaklah menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta;
- (b) boleh menyatakan langkah-langkah dikehendaki supaya perlu diambil oleh perusahaan yang melanggar, yang pada hemat Suruhanjaya adalah sesuai bagi menghentikan pelanggaran itu;
- (c) boleh mengenakan penalti kewangan; atau
- (d) boleh memberikan apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.

Larangan Dalam Akta Persaingan 2010:Penyalahgunaan Kedudukan Dominan

Seksyen 10 Akta Persaingan memperuntukkan larangan yang berkaitan dengan penyalahgunaan kedudukan dominan. Untuk memastikan kewujudan penyalahgunaan kedudukan dominan, terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi, pertama, sesuatu perusahaan hendaklah berada pada kedudukan dominan dalam pasaran dan kedua, perusahaan yang berada pada kedudukan dominan tersebut menyalahgunakan kedudukan dominan (Massimo Motta, 2007, hlmn. 34). Seksyen 2 Akta Persaingan 2010 memberikan maksud kedudukan dominan sebagai “suatu keadaan yang dalamnya satu perusahaan atau lebih mempunyai kuasa yang signifikan dalam suatu pasaran untuk melaraskan harga atau output atau terma perdagangan, tanpa kekangan yang berkesan daripada pesaing atau pesaing berpotensi.”

Beberapa perlakuan yang dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan di senaraikan di bawah Seksyen 10 (2) (a)-(g) iaitu, mengenakan jualan tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan, menghadkan pengeluaran, pasaran, pembangunan teknologi atau pelaburan sehingga memudaratkan pengguna, enggan memberi bekalan kepada sesuatu perusahaan atau kelompok perusahaan tertentu serta mengenakan syarat tambahan yang tidak berkaitan dengan kontrak jualan ke atas pembeli apabila pembeli membeli produk daripada penjual.

Kesan Pelanggaran Bahagian II Akta Persaingan 2010 (Perjanjian Anti-Persaingan Dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan)

Pelanggaran Bahagian II Akta Persaingan 2010 boleh mengakibatkan tindakan penalti kewangan dikenakan oleh MyCC terhadap pihak yang didapati bersalah. Menurut Seksyen 40 Akta Persaingan 2010, ia memperuntukkan bahawa dalam kes di mana terdapat pelanggaran, Suruhanjaya Persaingan,

- (a) hendaklah menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta;
- (b) boleh menyatakan langkah-langkah dikehendaki supaya perlu diambil oleh perusahaan yang melanggar, yang pada hemat Suruhanjaya adalah sesuai bagi menghentikan pelanggaran itu;
- (c) boleh mengenakan penalti kewangan; atau
- (d) boleh memberikan apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.

APLIKASI PERUNTUKAN AKTA PERSAINGAN 2010 TERHADAP PELBAGAI SEKTOR KOMERSIL DI MALAYSIA

Terdapat beberapa kes yang telah diputuskan oleh MyCC berhubung dengan pelanggaran peruntukkan yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010. Antaranya ialah kes yang diputuskan oleh MyCC yang melibatkan MAS dan AirAsia, iaitu dua gergasi dalam sektor pengangkutan udara di Malaysia. MAS dan Air Asia dikenakan penalti kewangan kerana melanggar Seksyen 4 (2) (b) Akta Persaingan 2010, iaitu penglibatan dalam perjanjian anti-persaingan yang bermatlamat perkongsian pasaran. Dalam kes itu, MyCC membuat keputusan untuk mengenakan penalti kewangan berdasarkan pusingan ganti yang diperolehi antara 1 Januari 2012 dan 30 April 2012 oleh MAS dan AirAsia bagi laluan yang berikut, Kuala Lumpur ke Kuching, Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, Kuala Lumpur ke Sandakan dan Kuala Lumpur ke Sibiu (<http://mycc.gov.my/wp-content/uploads/2014/05/final-decision-on-MAS-AIRASIA-PDF.pdf>, perenggan 85).

Selain itu, akibat daripada keputusan Persatuan Pengusaha Lori Malaysia (PMLOA) yang bersetuju untuk menetapkan harga bagi caj penggunaan lori, MyCC telah mengeluarkan amaran terhadap PMLOA agar tindakan PMLOA itu dihentikan serta merta kerana persetujuan penetapan harga oleh PMLOA

tergolong dalam kelompok perjanjian anti-persaingan(<http://www.theborneopost.com/2014/05/22/mycc-catches-lorry-owners-association-fixing-price/>). Selain itu, MyCC telah mengambil tindakan dengan mengenakan penalti ke atas Persatuan Pengeluar Ais Malaysia yang telah bersetuju dengan ahlinya untuk menetapkan harga ais blok dan juga harga ais kiub. Keputusan yang dibuat oleh Persatuan Pengeluar Ais Malaysia tergolong dalam definisi perjanjian anti-persaingan di bawah Seksyen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010 (<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mycc-denda-rm283600-kepada-pengusaha-ais-tiub-kerana-tetapkan-harga-bersama>). Aplikasi Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 dapat dilihat dalam kes yang melibatkan Megasteel Sdn Bhd yang telah di denda oleh MyCC atas kesalahan di bawah Seksyen 10 (1) Akta Persaingan 2010. MyCC berkata amalan pengecilan margin memberi implikasi anti-persaingan dalam pasaran dan ini merupakan langgaran terhadap Seksyen 10 (1) Akta Persaingan 2010 (<http://www.thesundaily.my/news/872619>)

KESIMPULAN

Akta Persaingan 2010 menyediakan peruntukan yang bertujuan untuk menggalakkan persaingan yang sihat dalam pasaran disamping melindungi pasaran perniagaan dan pengguna. Dua larangan utama iaitu perjanjian anti-persaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan merupakan dua keadaan yang seringkali berlaku dalam amalan perniagaan yang berupaya mewujudkan pasaran perniagaan yang bersifat anti-persaingan. Walaupun peruntukkan yang terkandung di dalam Akta Persaingan 2010 adalah bersifat umum, namun sebagai undang-undang yang masih baru di Malaysia, ia dilihat dapat membantu mengawal dan membanteras amalan anti-persaingan di kalangan peniaga yang menjalankan aktiviti komersil.

RUJUKAN

Akta Persaingan 2010

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010

Andreas F Lowenfeld. 2008. International Economic Law. Second Edition. United States: Oxford University Press Inc.

Cosmo Graham. 2013. EU and UK Competition Law. Second Edition. United Kingdom: Pearson Education Limited.

Garis panduan Bab I Larangan Perjanjian Anti-persaingan

Garis panduan Definisi Pasaran

<http://mycc.gov.my/wp-content/uploads/2014/05/final-decision-on-MAS-AIRASIA-PDF.pdf>, perenggan 85

<http://www.theborneopost.com/2014/05/22/mycc-catches-lorry-owners-association-fixing-price/>.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mycc-denda-rm283600-kepadapengusaha-ais-tiub-kerana-tetapkan-harga-bersama>

<http://www.thesundaily.my/news/872619>

Massimo Motta. 2007. Competition Policy, Theory and Practice. New York: Cambridge University Press.

Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat 20.4.2010, <http://www.parlimen.gov.my/hansard-dewan-rakyat.html?uweb=dr>